



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Waspada taktik terkini penipuan guna telefon rumah
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 1 May 2020

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 10

Waspada taktik terkini penipuan guna telefon rumah

Penjenayah akan menyamar sebagai pihak berkuasa atau kakitangan bank untuk menipu dan meyakinkan mangsa

Oleh Steve Annuar

MIRI: Orang awam diminta berwaspada dengan taktik terkini penipuan yang menghubungi mangsa menggunakan talian telefon rumah.

Setiausaha Pakatan Harapan (PH) Sarawak Senator Alan Ling berkata, penjenayahakan menyamar sebagai pihak berkuasa atau kakitangan bank untuk menipu dan meyakinkan mangsa.

“Taktik terkini yang digunakan ‘scammer’ adalah dengan cara membuat panggilan telefon dari rumah ke rumah, kerana kebanyakan orang duduk di rumah pada waktu ini,” jelas beliau.

Berkongsi pengalamannya sendiri Ling memberitahu, kelmarin beliau menerima panggilan menyatakan talian telefonnya melanggar peraturan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pelaku menggunakan mesej

suara automatik memberitahu talian telefon Ling akan ditamatkan dalam tempoh dua jam selepas menerima panggilan itu.

Mesej suara itu memintanya untuk menekan butang nombor satu sekiranya ingin mendapatkan keterangan lanjut.

Setelah menekan satu, seorang lelaki menjawab secara profesional meminta maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan untuk tujuan mengesan perkara yang telah berlaku ke atas akaun telefonnya.

Ling dimaklumkan bahawa talian telefon rumahnya pernah menghubungi talian luar negeri bernombor 09 yang terlibat dengan aktiviti haram.

Beliau yang juga setiausaha Parti Tindakan Demokratik (DAP) Sarawak berkata, sebarang aktiviti jenayah tidak akan dimaklumkan melalui talian telefon kerana negara mempunyai undang-

“Taktik terkini yang digunakan ‘scammer’ adalah dengan cara membuat panggilan telefon dari rumah ke rumah, kerana kebanyakan orang duduk di rumah pada waktu ini.”

Senator Alan Ling
Setiausaha PH Sarawak

undang yang jelas berkenaan prosedur pengendalian kes jenayah mahupun sivil.

“Setelah mendengar ‘tuduhan’ penipu itu, saya terus mengatakan kepada beliau bahawa ia adalah berdosa untuk melakukan perbuatan tidak bermoral seperti penipuan ini, lebih-lebih lagi dalam bulan suci Ramadan ini, dan lelaki tersebut pun tergesa-gesa meletak telefon,” katanya.

Sebelum ini Ling yang juga merupakan seorang peguam pernah menasihati orang awam yang datang memintanya di firma guaman tentang masalah ‘scammer’, antaranya, kes pemindahan

wang melalui perbankan Internet melibatkan jumlah mangsa yang ramai serta kerugian besar.

Kebanyakan kumpulan atau individu ini menyamar sebagai pegawai bank, pihak mahkamah, pegawai pihak berkuasa, pihak polis dan agensi lain untuk menipu mangsa.

Disebabkan takut dan bimbang, mangsa bersetuju menyelesaikan kes dengan membuat pembayaran secara dalam talian.

“Saya berharap agar pengalaman yang saya kongsi ini akan menjadi pengajaran dan panduan kepada orang ramai agar tetap bertenang

dan tidak terus gelabah jika menerima panggilan daripada seseorang yang mencurigakan khasnya pada waktu PKP ini dan sedia merujuk kepada ahli keluarga atau pihak berkuasa,” kata Ling.

Beliau turut menggesa Jabatan Siasatan Jenayah Malaysia (PDRM) melipatgandakan penguatkuasaan dan siasatan termasuk menggunakan pakai teknologi terkini bagi mengesan penjenayah.

Daripada maklumat itu, pihak berkuasa dapat melakukan serbuan, tangkapan dan seterusnya menghentikan aktiviti haram ini.



KONGSI PENGALAMAN: Ling mengisi masa lapang selepas program pengagihan bantuan dengan memasak di rumah.